

# Saksi kemalangan di Pantai Sepat diminta tampil

oleh NORAWAZNI YUSOF 04 April 2023 08:26am Masa membaca: 1 minit



Wan Mohd Zahari

KUANTAN - Polis Kuantan meminta saksi kemalangan melibatkan seorang remaja di Pantai Sepat pada Ahad lalu tampil bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, remaja 17 tahun itu mengalami kecederaan parah dan kini sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

"Bahagian Siasatan Penguatkuasaan Trafik (BSPTD) IPD Kuantan telah menerima maklumat pada jam 1.45 pagi semalam berhubung satu kemalangan jalan raya yang berlaku pada jam lebih kurang jam 6 petang di jalan Pantai Sepat, Kuantan Pahang.

"Nahas terbabit melibatkan 17 tahun dipercayai telah hilang kawalan dan terbabas sendiri. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh BSPTD IPD Kuantan di bawah Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya dalam kenyataan di sini.

Mana-mana pihak yang melihat atau mempunyai maklumat mengenai kejadian tersebut diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi Penolong Pegawai Penyiasat Trafik, Sarjan Ibrahim Abd Rahman di talian 09- 5156111 atau 017-9070762.

Wan Zahari berkata, semasa kejadian BSPTD sedang melakukan operasi motosikal di KM 17, Jalan Pantai Sepat dan kemalangan berlaku dalam jarak dua kilometer dari lokasi polis.

"Mangsa kemalangan tidak melalui kawasan operasi yang dijalankan oleh BSPTD dan operasi dijalankan tamat jam 6.30 petang tanpa sebarang insiden," ujarnya.